

28 MAY 1999

JPA AKAN TINGKATKAN KERJASAMA DENGAN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan terus meningkatkan kerjasama dan persefahaman dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) demi kepentingan kakitangan sektor awam di negara ini, kata Setiausaha Agung kongres itu, Abdul Rahman Manan hari ini.

Dalam kenyataannya di sini, beliau berkata jaminan itu diberikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Samsudin Osman, dalam ucapannya pada majlis persaraan pengarah Bahagian Saraan, JPA, Datuk Mohsin Mohd Khir, dua hari lepas.

Abdul Rahman berkata, dalam pertemuan susulan semalam, Samsudin telah memaklumkan kepada Cuepacs bahawa JPA sedang mengambil tindakan berkaitan isu-isu yang dipersetujui dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) pada awal tahun ini.

Mengenai aduan Cuepacs berkaitan dakwaan ketidakadilan dalam penyediaan laporan penilaian prestasi dan pergerakan gaji anggota sektor awam, beliau berkata Samsudin memberitahu Cuepacs bahawa beliau akan membuat kajian terhadap perkara itu.

Abdul Rahman berkata, Samsudin turut bersetuju dengan cadangan Cuepacs agar pertemuan lebih kerap diadakan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan anggota sektor awam.

"Cuepacs juga memberi jaminan akan terus menyokong usaha kerajaan ke arah pemulihan ekonomi di bawah kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

-- BERNAMA

RV NMO